

# Banyak yang perlu dibuat untuk baiki hubungan



DATUK JAMES ONGKILI

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Dr James Ongkili yang dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam perubahan kabinet yang diumumkan hari ini, telah berslap-sedia untuk memulakan tugas barunya.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana perlintakan itu, beliau berikrar akan bekerjasama sepenuhnya dengan semua pemimpin Persekutuan demi kebaikannya negara.

"Banyak yang perlu dijalankan untuk negara dan saya berjanji akan mencuba sedaya-upaya terutama untuk merapatkan lagi hubungan antara Sabah dan Kerajaan Persekutuan," tegasnya.

Dr. Ongkili berpendapat, tidak banyak perbezaan antara mengendalikannya pentadbiran negeri dengan menjalankan tugas sebagai Menteri Persekutuan.

Encik Radzi Tan Sri Sheikh Ahmad juga

mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk memegang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau yang dulunya Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar merupakan anak watan Perlis yang pertama dilantik sebagai Timbalan Menteri.

## Sejarah

"Perlintakan saya dari Setiausaha Parlimen hingga ke jawatan baru ini adalah satu sejarah bagi Perlis. Saya harap ia akan menjadi dorongan kepada anggota politik yang lain. Tidak kira sama ada seseorang itu berasal dari negeri yang kecil ataupun besar."

Beliau berikrar akan menjalankan tugas dengan sempurna seperti yang dihasratkan oleh Perdana Menteri.

Datuk Lee Kim Sai, seorang lagi tokoh yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pula, berharap akan dapat

menyesuaikan diri dalam jawatan barunya. Kerana inilah kali pertama beliau menjadi anggota kerajaan.

Sungguhpun beliau pernah menjadi Anggota Exco Negeri Selangor, beliau berpendapat banyak perbezaan bidang tugas antara peringkat Negeri dan Persekutuan.

Timbalan Menteri Luar, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzil berkata, beliau terhutang budi kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk terus kekal dalam Kementerian Luar.

"Sejak setahun lalu waktu saya dilantik sebagai Setiausaha Parlimen, saya dapat memperbanyak hubungan dengan pemimpin luar, dan saya harap akan terus dapat memperkukukannya demi menjaga imej Malaysia."

Beliau juga terhutang budi kepada Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, yang menurutnya telah begitu banyak memberi tunjuk ajar dan peluang untuk mendapatkan pengalaman dalam arena antarabangsa.

— Bernama.